A

RAJA PETRA RAJA KAMARUDDIN

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN AB AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-52-2008]
13 FEBRUARI 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pindahan kes - Bidang kuasa mahkamah majistret - Pindahan di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah dari mahkamah majistret yang berbidang kuasa kompeten ke mahkamah sesyen yang lebih berat - Sama ada melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Bidang kuasa mahkamah - Mahkamah majistret - Pindahan kes - Pindahan di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah dari mahkamah majistret yang berbidang kuasa kompeten ke mahkamah sesyen yang lebih berat - Sama ada melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan*

E

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Mahkamah - Kuasa untuk pindah kes - Pindahan di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah dari mahkamah majistret yang berbidang kuasa kompeten ke mahkamah sesyen yang lebih berat - Sama ada melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan*

F

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Mahkamah - Bidang kuasa - Pindahan kes - Pindahan di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah dari mahkamah majistret yang berbidang kuasa kompeten ke mahkamah sesyen yang lebih berat - Sama ada melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan*

G

Pemohon, yang telah dituduh di Mahkamah Majistret atas tiga kesalahan di bawah s. 500 Kanun Keseksaan, memfailkan suatu Notis Usul bagi mendapatkan perintah-perintah seperti berikut: (i) Suatu perintah di bawah s. 417 Kanun Acara Jenayah ('KAJ') bahawa ketiga-tiga kes terhadapnya dipindah kepada Mahkamah Majistret; dan/atau (ii) suatu perintah di bawah s. 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bahawa semua prosiding di ketiga-tiga kes itu digantung prosidingnya untuk merujuk ke Mahkamah Persekutuan untuk keputusan atas soalan berikut: Adakah suatu

H

I

pindahan di bawah s. 177 KAJ dari satu Mahkamah Majistret yang berbidang kuasa kompeten ke Mahkamah Sesyen yang lebih berat melanggar perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan')? Ketiga-tiga kes terhadap pemohon telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen atas permintaan Jabatan Peguam Negara di bawah s. 177 KAJ atas alasan "kes ini melibatkan kepentingan awam". A B

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Secara dasarnya, pemindahan ini telah mendedahkan pemohon kepada satu kuasa menghukum yang lebih berbanding sekiranya kes pemohon masih berada di Mahkamah Majistret. Apa yang pasti ialah pemohon akan dihakimi oleh seorang hakim Mahkamah Sesyen yang lebih matang dan berpengalaman berbanding dengan seorang Majistret. Andaian tidak sepatutnya dibuat bahawa hakim Mahkamah Sesyen akan bertindak secara kasar dalam menjatuhkan hukuman denda terhadap pemohon sekiranya pemohon didapati bersalah. Sekiranya pemohon didapati bersalah, hukuman denda (dalam kes ini) yang akan dijatuhkan adalah berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes tersebut dan mahkamah tidak akan sesekali mengikut rentak pihak pendakwa dalam menjatuhkan hukuman. Pemohon juga masih ada dua lagi forum selepas itu, iaitu di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, untuk mendapatkan keadilan jika tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen. Setelah menelitikan Notis Usul yang difailkan oleh pemohon dan menimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini berpuas hati bahawa permohonan pemohon tidak bermerit atau berasas dan perintah pindahan yang dibuat oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya mengikut s. 177 KAJ adalah sah dan teratur dan tidak bercanggah dengan peruntukan perkara 8(1) Perlembagaan. *Nadarajah v. PP* (diikuti). (perenggan 23, 24, 25 & 26) C D E F G

Kes-kes yang dirujuk:
Nadarajah v. PP [2000] 4 CLJ 634 HC ***(diikuti)***
Ong Ah Chuan v. PP [1980] 1 LNS 181 ***(dirujuk)***
PP v. Mohamad Wahab [2001] 5 CLJ 201 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tengku Hitam [1962] 1 LNS 140 ***(dirujuk)***

H

I

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 84
Criminal Procedure Code, ss. 117, 177, 417
Federal Constitution, art. 8(1)
Penal Code, s. 500
Subordinate Courts Act 1948, ss. 64, 85, 87(1)

Bagi pihak PP - Anselm Charles Fernandis (Amir Nasruddin bersamanya)
Bagi pihak pembelaan - Manjeet Singh Dhillon (Jagadish Chandran bersamanya); T/n Arbain & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Ab Aziz PK:

Pengenalan

[1] Pemohon, Raja Petra bin Raja Kamaruddin telah memfailkan satu notis usul melalui Lampiran 3 bertarikh pada 26 November 2008 bagi mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(a) Suatu perintah di bawah s. 417 Kanun Acara Jenayah (Act 593) bahawa kes Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Kes No. 62-419-08, 62-420-08 & 62-421-08 *Pendakwa Raya v. Raja Petra bin Raja Kamaruddin* dipindah kepada Mahkamah Majistret Kuala Lumpur; dan/atau

(b) Suatu perintah di bawah s. 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bahawa semua prosiding di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Kes Tangkap No.: 62-419-08, 62-420-08 & 62-421-08 digantung prosidingnya untuk merujuk ke Mahkamah Persekutuan untuk keputusan atas soalan berikut:

(Is the transfer of a case under s. 177 CPC from a jurisdictionally competent Magistrate's Courts to a Sessions Court whereby the accused is exposed as a result of the said transfer to the greater punishment powers of the Sessions Court in breach of art. 8(1) of the Federal Constitution?)

Adakah suatu pindahan di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah dari satu Mahkamah Majistret yang berbidang kuasa kompeten ke Mahkamah Sesyen di mana tertuduh terdedah atas sebab pindahan tersebut kepada kuasa-kuasa hukuman Mahkamah Sesyen yang lebih berat melanggar art. 8(1) Perlembagaan Persekutuan?

Fakta Kes

[2] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas tiga kesalahan di bawah s. 500 Kanun Keseksaan. Kes ini telah didaftarkan sebagaimana Mahkamah Majistret Kuala Lumpur - Kes tangkap no. 1-83-4784-08, 1-83-4785-08, 1-83-4786-08.

[3] Pada 15 Ogos 2008, Jabatan Peguam Negara – bertindak atas s. 177 Kanun Acara Jenayah telah memohon kepada Mahkamah Majistret untuk memindahkan ketiga-tiga kes ini ke Mahkamah Sesyen atas alasan "kes ini melibatkan kepentingan awam".

[4] Ketiga-tiga kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen pada 15 Ogos 2008.

[5] Pada 15 Ogos 2008, pihak pendakwa telah memohon kepada Majistret di bawah s. 177 Kanun Acara Jenayah atas alasan "kes ini melibatkan kepentingan awam" dan memohon agar kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen. Majistret telah pada tarikh yang sama memindahkan kes ini ke Mahkamah Sesyen.

177. Transfer of cases

In any trial before a Magistrate in which it appears at any stage of the proceedings that from any cause the case is one which in the opinion of the Magistrate ought to be tried by some Court of higher jurisdiction than his own, or if before or during the trial application is made by the Public Prosecutor, the Magistrate shall stay proceedings and transfer the case to a higher Court.

[6] Seksyen 177 Kanun Acara Jenayah menggariskan dua keadaan bilamana kes boleh dipindahkan dari Mahkamah Majistret ke "higher court". Dalam permohonan ini, keadaan kedua adalah lebih relevant bilamana permohonan dibuat oleh pihak pendakwa untuk kes dipindahkan ke "higher court".

[7] Pihak pemohon berhujah bahawa tiada alasan "yang melibatkan kepentingan awam "dinyatakan dalam seksyen ini dan perintah Majistret tersebut adalah unconstitutional kerana telah melanggar hak kesaksamaan menurut art. 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

[8] Walaupun peruntukan tidak menggariskan keadaan/prasyarat yang membolehkan pihak pendakwa memohon sesuatu kes itu dipindahkan ke "higher court" tetapi struktur ayatnya jelas bahawa bilamana permintaan dibuat oleh Pendakwa Raya, maka Majistret itu hendaklah memberhentikan perbicaraan itu dan menukarkan kes itu ke mahkamah yang lebih tinggi.

[9] Dalam kes *Public Prosecutor v. Mohamad bin Wahab* [2001] 5 CLJ 201, Yang Arif Hakim Augustine Paul memutuskan bahawa:

> A transfer of proceedings is a matter for which special legislation must be enacted as provided by Article 145(3A) of the Federal Constitution. Thus Section 177 of The Criminal Procedure Code which requires a Magistrate to transfer a case to a higher court upon application made by the PP, must be construed as being such a special legislation.
>
> **145. Attorney General**
>
> (3A) Federal law may confer on the Attorney General power to determine the courts in which or the venue at which any proceedings which he has power under Clause (3) to institute shall be instituted or to which such proceedings shall be transferred.

[10] Oleh itu dalam permohonan ini saya memutuskan pemindahan kes dari mahkamah Majistret ke Mahkamah Sesyen adalah sah dan teratur serta tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang. Saya juga memutuskan permohonan pemohon untuk suatu perintah di bawah s. 417 Kanun Acara Jenayah tidak terpakai dalam keadaan kes ini kerana permohonan supaya kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen telah dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya sebelum perbicaraan dimulakan, seperti kehendak s. 117 Kanun Acara Jenayah.

[11] Persoalan seterusnya adalah, adakah dengan pemindahan kes tersebut dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Sesyen telah mendedahkan satu ketidakadilan atau diskriminasi kepada pemohon seterusnya bertentangan dengan art. 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

8. Equality.

All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law.

[12] Pemohon telah dituduh di bawah s. 500 Kanun Keseksaan yang mana ianya di bawah bidangkuasa statutory Mahkamah Majistret.

Section 500. Punishment for defamation

Whoever defames another shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years, or with fine, or with both.

[13] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret yang mempunyai bidangkuasa statutori di bawah s. 85 Akta Mahkamah Rendah 1948, telah ditawarkan jaminan dan telahpun diikat jamin sementara menunggu kes dibicara.

Section 85. Criminal Jurisdiction of First Class Magistrate

Subject to limitations contained in this Act a First Class Magistrate shall have jurisdiction to try all offences for which the maximum term of imprisonment provided by law does not exceed ten years imprisonment or which are punishable with fine only and offences under sections 392 and 457 of the Penal Code.

[14] Isu yang mengatakan bahawa "kes ini melibatkan kepentingan awam" adalah merupakan alasan oleh pihak pendakwa untuk memindahkan kes ini dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Sesyen.

[15] Hujah pihak pemohon, pemindahan kes ini telah mendedahkan pemohon kepada satu bentuk hukuman denda yang tiada hadnya. Ini adalah kerana berdasarkan kepada kuasa menghukum yang diperuntukan kepada Mahkamah Sesyen di bawah s. 64 AMR 1948.

Section 64. Sentences

A Sessions Court may pass any sentence allowed by law other than the sentence of death.

[16] Berbanding dengan kuasa menghukum yang diperuntukan kepada mahkamah Majistret di bawah s. 87(1) AMR 1948.

Section 87. Sentences within competence of First Class Magistrate.

(1) A First Class Magistrate may pass any sentence allowed by law not exceeding:

(a) five years' imprisonment;

(b) a fine of ten thousand ringgit;

(c) whipping up to twelve strokes; or

(d) any sentence combining any of the sentences aforesaid:

Provided that where, by any law for the time being in force, jurisdiction is given to the Court of any Magistrate to award punishment for any offence in excess of the power prescribed by this section, a First Class Magistrate may, notwithstanding anything herein contained, award the full punishment authorized by that law.

[17] Walaupun begitu dari sudut hukuman penjara ianya tidak membawa perbezaan kerana hukuman maksima penjara yang diperuntukan oleh s. 500 Kanun Keseksaan adalah tidak melebihi dua tahun. Ini bermakna, jika pemohon disabitkan dengan pertuduhan tersebut samada di Mahkamah Majistret ataupun Mahkamah Sesyen, hukuman penjara yang boleh dikenakan hanyalah dua tahun sahaja.

[18] Isu pemindahan kes serta bantahan yang dibuat oleh pihak pemohon berdasarkan art. 8(1) Perlembagaan Persekutuan atas alasan perbezaan kuasa menghukum antara Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes *Nadarajah v. PP* [2000] 4 CLJ 634 di mana Hakim Augustine Paul J (masa itu) memutuskan antara lain:

[1a] All that 'equality before the law' requires is that the cases of all potential defendants to criminal charges shall be given unbiased consideration by the prosecuting authority and that decisions whether or not to prosecute in a particular case for a particular offence should not be dictated by some irrelevant consideration. Article 8(1) of the Federal Constitution does not forbid discrimination in punitive treatment between one class of individuals and another class in relation to which there is some difference in the circumstances of the offence that has been committed. The decision to identify the

difference in the circumstances of a particular case and to act accordingly is that of the Attorney General pursuant to art. 145(3) of the Federal Constitution and is not subject to judicial review.

[1b] The exercise of the discretion by the Attorney General to institute a prosecution against a person in a certain court, defendant on the circumstances of the case, may itself amount to a reasonable classification for the purposes of art. 8(1) of the Federal Constitution.

[2] Article 145(3A) of the Federal Constitution was designed to authorize the passing of laws to confer power on the Attorney General to institute prosecution in a court which he would otherwise be precluded from doing so.

[3] The provisions of the Subordinate Courts Act 1948 dealing with the jurisdiction of the Sessions Court and the Magistrate's Court indicate that the jurisdiction conferred on the Magistrate's Courts is not exclusive. It is subject to the overriding jurisdiction of the Sessions Court as recognised by s. 85 of the Subordinate Courts Act. 1948. The result is that s. 85 of the Subordinate Courts Act 1948 does not oust the jurisdiction of the Sessions Court in respect of offences falling within the jurisdiction of the Magistrate's Court. The filing of the case in the Sessions Court therefore was correct in law.

[19] Keputusan kes *Nadarajah v. PP* ini amat selari dengan fakta kes yang ada di hadapan mahkamah ini dan adalah terpakai.

[20] Juga merujuk kepada kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181:

Art. 8(1) of the constitution does not forbid discrimination in punitive treatment between one class of individuals and another class in relation to which there is some difference in the circumstances of the offence that has been committed.

[21] Dalam satu sudut yang lain kita juga perlu melihat bahawa fakta sesuatu kes itu secara jelasnya hanya berada dalam pengetahuan pihak pendakwa dan pada pendapat pihak pendakwa berdasarkan kepada fakta kes tersebut, sekiranya pemohon didapati bersalah, hukuman yang akan dipohon oleh pihak pendakwa di luar bidangkuasa Majistret (dalam kes ini hukuman denda dimaksudkan), maka adalah wajar bagi mereka untuk

memohon kes ini dipindahkan ke mahkamah yang mempunyai lebih bidangkuasa menghukum kerana ianya dibenarkan oleh undang-undang.

[22] Sebagaimana yang diputuskan dalam kes *PP v. Tengku Hitam* [1962] 1 LNS 140 Yang Arif Hakim Hashim menyatakan:

> Before a case is presented in court the prosecution must first satisfy itself whether the maximum punishment which such court can impose is adequate. If it thinks that such sentence is inadequate the case should be brought before another court. Ordinarily a case should be brought before the court which has jurisdiction to try it. For example, a case which ordinarily triable in a Magistrate's Court should be brought in that court and should only be brought in the Session Court if the prosecution is of the opinion that upon conviction the maximum sentence which can be imposed by the Magistrate is inadequate.

[23] Secara dasarnya, kita akan melihat bahawa dengan pemindahan ini telah mendedahkan pemohon kepada satu kuasa menghukum yang lebih berbanding sekiranya kes pemohon masih berada di Mahkamah Majistret. Apa yang pasti pemohon akan dihakimi oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang lebih matang dan berpengalaman berbanding dengan seorang Majistret.

[24] Kita tidak sepatutnya membuat andaian bahawa Hakim Mahkamah Sesyen akan bertindak secara kasar (harsh) dalam menjatuhkan hukuman denda terhadap pemohon sekiranya pemohon didapati bersalah. Sekiranya pemohon didapati bersalah, hukuman denda (dalam kes ini) yang akan dijatuhkan adalah berdasarkan kepada fakta dan keadaan kes tersebut dan mahkamah tidak akan sesekali akan mengikut rentak pihak pendakwa dalam menjatuhkan hukuman.

[25] Pemohon juga masih ada dua lagi forum selepas itu, iaitu di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan untuk mendapatkan keadilan jika tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen.

Keputusan Mahkamah

[26] Setelah menelitikan notis usul yang difailkan pemohon, dan menimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, saya berpuas hati bahawa permohonan pemohon tidak bermerit atau berasas dan perintah pindahan yang dibuat oleh pihak Timbalan Pendakwa

Raya mengikut s. 177 Kanun Acara Jenayah adalah sah dan teratur dan tidak bercanggah dengan peruntukan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

[27] Dengan itu, permohonan pemohon (Lampiran 3) adalah dengan ini ditolak. Kes dikembalikan ke Mahkamah Sesyen untuk penetapan tarikh bicara seterusnya.